JABATAN PERHUTANAN

NEGERI KEDAH



LAPORAN TAHUNAN

2024

Semua maklumat adalah sahih pada masa cetakan.
All information are deemed correct at the time of printing.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERUTUSAN PENGARAH **5**

PERSPEKTIF JABATAN **11**

- **Wawasan** **12**
- **Misi** **12**
- **Objektif** **12**
- **Piagam Pelanggan** **13**
- **Peruntukan Perlembagaan, Dasar & Undang-undang** **14**

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN **17**

- **Fungsi Direktorat** **18**
- **Ahli-ahli Direktorat 2024** **19**
- **Ketua-ketua Seksyen Jabatan Perhutanan Negeri Kedah** **20**
- **Pegawai Hutan Daerah** **21**
- **Carta Organisasi** **23**

FUNGSI BAHAGIAN **29**

- **Bahagian Khidmat Pengurusan** **30**
  - Seksyen Pentadbiran Am 30
  - Seksyen Sumber Manusia dan Organisasi 31
  - Seksyen Kewangan 32
- **Bahagian Pembangunan Hutan** **33**
  - Seksyen Pengurusan Hutan 33
  - Seksyen Silvikutur Dan Perlindungan Hutan 34
  - Seksyen Ladang Hutan Dan Inovasi 35
  - Seksyen Kepelbagaian Sumber Hutan 36
  - Seksyen Forest Eco-Park Dan Hutan Taman Negeri 37
- **Bahagian Operasi Hutan** **38**
  - Seksyen Penguatkuasaan 38
  - Seksyen Industri Seksyen Perindustrian, Pengusahasilan Kayu Dan Bukan Kayu 39
  - Seksyen Siasatan 40
  - Seksyen Kejuruteraan Hutan 41

PEJABAT HUTAN DAERAH **43**

- Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara 45
- Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah 48
- Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan 51
- Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat 54

SUMBER MANUSIA **57**

- Petunjuk Prestasi Utama 2024 59
- Perjawatan 60
- Ahli Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) 61
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 62
- Penempatan dan Pertukaran Pegawai 64
- Data Personel Dan Perjawatan Negeri 65
- Kakitangan Yang Bersara 78
- Maklumat Latihan 79

PROFIL PERHUTANAN **97**

HASIL DAN KEWANGAN **113**

PERISTIWA DAN PENCAPAIAN JABATAN **117**

JAWATANKUASA EDITORIAL **135**



Air Terjun Putri Mandi

Perutusan Pengarah



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Kedah Sejahtera – Nikmat Untuk Semua dan Salam 'The Greater Kedah'.

1. Alhamdulillah saya bersyukur dengan limpah dan rahmat Allah SWT, Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) tahun 2024 telah diterbitkan. Laporan ini merupakan satu (1) dokumen yang memaparkan pelbagai maklumat dan catatan peristiwa jabatan sepanjang tahun 2024. JPNK komited dalam memperkasakan sektor pengurusan hutan. JPNK juga komited untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negeri.



2. Sektor perhutanan di Negeri Kedah juga merupakan satu sektor ekonomi penting yang telah banyak menyumbang kepada hasil utama Kerajaan Negeri. Gagasan *'The Greater Kedah'* yang diilhamkan oleh Sultan Negeri Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah melalui titah diraja adalah sebuah gagasan besar meliputi seluruh aspek yang berkepentingan negeri untuk generasi hari ini serta generasi yang akan datang bergerak menuju masa hadapan dengan melangkaui batas masa.

3. Negeri Kedah mempunyai keluasan seluas 946,616.36 hektar. Daripada keluasan ini seluas 343,465.92 hektar merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Pada tahun 2024, JPNK telah diperuntukkan sejumlah RM13.9 juta merangkumi peruntukan perbelanjaan pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM10,373,000.00 merupakan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity* (EFT). Melalui peruntukan yang disalurkan JPNK telah berjaya merealisasikan tujuh (7) program utama iaitu merangkumi Pengurusan Sumber Hutan, Eko Pelancongan dan Hutan Taman Negeri, Pembangunan dan Pemuliharaan Hutan Simpan, Perhutanan Sosial dan Sumber Hutan Bukan Kayu, Bangunan Pejabat, Bangunan Kuarters, Projek Pengeluaran Benih dan Operasi Risikan dan Penguatkuasaan bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dengan lebih efisien.

4. Pelbagai pendekatan dan usaha telah dibuat bagi memastikan visi dan misi jabatan tercapai sama ada di peringkat negeri mahu pun negara. Pelbagai pencapaian telah dicapai oleh JPNK sepanjang tahun 2024. JPNK telah diperuntukkan bagi kuota Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi tempoh RMK-12 (2021-2025), adalah seluas 4,200 hektar setahun. Bagi tahun 2024, pencapaian CTT yang telah digunakan oleh Negeri Kedah adalah 4,138.52 hektar iaitu seluas 98.54 peratus. Pada tahun 2024, kutipan hasil JPNK yang direkodkan melalui Premium, Royalti, Ses dan Lain-lain Fee adalah sebanyak RM37,402,632.70. Pencapaian ini melebihi daripada sasaran kutipan hasil yang ditetapkan iaitu sebanyak RM33,338,020.00 juta. Ini merupakan kejayaan jabatan serta semua warga kerja JPNK yang menunjukkan komitmen yang sangat tinggi serta komited dalam menguruskan sumber hutan secara mampan.

5. Selain itu, JPNK juga telah berjaya mengekalkan Pensijilan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Pensijilan Malaysian *Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* (MC&I SFM). Cabaran di pihak jabatan adalah untuk terus mengekalkan pengiktirafan dan kejayaan yang telah dicapai dan membudayakan integriti dalam pelaksanaan kerja seharian.

6. Dengan komitmen dan kesungguhan warga perhutanan, JPNK juga berjaya melaksanakan Program Penghijauan Malaysia. JPNK komited dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12 yang telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021. JPNK telah mensasarkan sebanyak 2,750,000 pokok akan ditanam bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025 di mana dijangkakan penanaman pokok setahun bagi Negeri Kedah adalah 550,000 pokok. Pencapaian penanaman pokok diseluruh Negeri Kedah bagi tahun 2024, sebanyak 629,909 pokok dan menjadikan jumlah keseluruhan tanaman pokok di Negeri Kedah dari tahun 2021 hingga 2024 adalah berjumlah 2,869,349 pokok.

7. Di samping itu, sepanjang tahun 2024, terdapat sebanyak 905 aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan di daerah-daerah hutan Negeri Kedah bagi mencegah aktiviti-aktiviti haram di dalam HSK. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan melalui pemantauan melalui rondaan dan sekatan jalanraya, *drone*, pemantauan *war room* di IPJPSM serta pemantauan bersama agensi-agensi teknikal seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Imigresen, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

8. Justeru itu, adalah menjadi harapan saya agar pencapaian ini dapat diteruskan bagi memastikan JPNK sentiasa menjadi agensi utama dalam menguruskan kawasan hutan di Negeri Kedah. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JPNK diatas komitmen yang telah diberikan sepanjang tahun 2024 ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Editorial Laporan Tahunan JPNK 2024 serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan Laporan Tahunan JPNK 2024 berjaya diterbitkan. Semoga Laporan Tahunan JPNK 2024 ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pelbagai pihak.

Sekian, terima kasih.

MUHAMAD BIN ABDULLAH,
AMK., AMP.
Pengarah Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman



Tasik Muda, TNUM



TER Lata Bayu

Perspektif Jabatan



WAWASAN

Untuk Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya Kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Negara.

OBJEKTIF

1. Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
2. Untuk meningkatkan bekalan hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
3. Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
4. Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan.
5. Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
6. Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.
7. Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.
8. Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

PIAGAM PELANGGAN

1. Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2. Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi.

3. Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

4. Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

5. Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima dari orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

6. Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap kali.

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hutan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan (Seksyen 14, Akta Perhutanan Negara 1984). Badan perundangan sesuatu negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi urus tadbir dan pengurusan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri tentang pengurusan dan pembangunan hutan, penyelidikan dan latihan. Dalam hubungan ini, kerjasama rapat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai hal-hal perhutanan adalah penting.

Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 mengikut Peruntukan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan dalam usaha untuk memudah cara penyelarasan dan penyeragaman dasar urus tadbir sektor-sektor berkaitan tanah, perlombongan, pertanian dan perhutanan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui perundingan dari semasa ke semasa. Ini membolehkan segala isu dan masalah yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan dapat diselaraskan dan penyelesaian ke atas semua perkara berkenaan dapat dilihat dari segi kepentingan nasional.

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN

Dasar Perhutanan Malaysia telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 pada 29 Januari 2021. Dasar berkaitan perhutanan di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) digubal bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Penggubalan DPSM ini telah mengambil kira perkembangan baharu seiring dengan keperluan sektor perhutanan semasa yang merangkumi aspek-aspek Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi, mitigasi kesan perubahan iklim, memperkasakan penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat. Dasar ini memfokuskan kepada kelestarian sumber hutan, konservasi kepelbagaian sumber hutan, kemampanan perkhidmatan hutan, kesejahteraan ekonomi dan kesinambungan industri, perundangan dan penguatkuasaan, keterangkuman dan keterlibatan pihak berkepentingan, kesejahteraan sosial dan orang asli, penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi serta masyarakat berpencerahan.

Antara dasar-dasar lain yang berkaitan dengan JPNK:

1. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030)
2. Dasar Alam Sekitar Negara (2002)
3. Dasar Mineral Negara 2019
4. Rancangan Fizikal Negara
5. Dasar Perubahan Iklim Negara (2010)
6. Dasar Pelancongan Negara (2020-2030)
7. Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (2010)
8. Dasar Sumber Air Negara (2012)
9. Dasar Teknologi Hijau Negara (2009)
10. Dasar Bioteknologi Kebangsaan
11. Dasar Agromakanan Negara (2011-2020)

Selain daripada Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan Akta Industri Berasas Kayu 1984 terdapat juga undang-undang lain yang penting dan ada kaitan dengan sektor perhutanan:

1. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965]
2. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
3. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
4. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
5. Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
6. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
7. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
8. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
9. Kanun Prosedur Jenayah 1999 [Akta 593]
10. Akta Syarikat 2016 [Akta 777]
11. Akta Taman Negara 1980 [Akta 226]
12. Akta Akta Perkongsian 1961 [Akta 135]
13. Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61]
14. Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]
15. Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 [Akta 782]
16. Kanun Keseksaan 1948 [Akta 574]
17. Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
18. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia [Pemerbadanan] 1973 [Akta 105]
19. Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
20. Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]
21. Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
22. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
23. Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008
24. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaaan 1994 [Akta 514]
25. Enakmen Perlombongan 1929; dan
26. Enakmen Bekalan Air, 1935



TER Pasir Tengkorak

Pengurusan Dan Pentadbiran





Pulau Bidan

FUNGSI DIREKTORAT

Ahli direktorat terdiri daripada Pengarah Perhutanan Negeri dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Timbalan Pengarah (Operasi). Direktorat bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan objektif-objektif Jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan Jabatan.

AHLI-AHLI DIREKTORAT 2024



Rosaizan Haryani binti Rosli,
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Muhamad bin Abdullah,
AMK., AMP.
Pengarah Perhutanan
Negeri Kedah

Mohd Hafiz bin Samsudin,
AMP.
Timbalan Pengarah (Operasi)
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

KETUA-KETUA SEKSYEN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH



















1. Seksyen Penguatkuasaan
   MMUHAMAD HAPIZ BIN ABDUL MUTALIB
2. Seksyen Pengurusan Hutan
   IHSAN SABRI BIN KAMARAZAMAN
3. Seksyen Silvikultur dan Perlindungan
   RAJIHAN BIN RAHIM
4. Seksyen Ladang Hutan Dan Inovasi
   AZLAN BIN ABDUL AZIZ
5. Seksyen Forest Eco Park Dan Hutan Taman Negeri
   FATIN AFIQAH BINTI ROSLAN
6. Seksyen Kepelbagaian Sumber Hutan
   NURLIYANA AQILAH BINTI ASRI
7. Seksyen Perindustrian Pengusahasilan Kayu Dan Bukan Kayu
   MUHAMMAD NORSYAHIR BIN MOHD NORDIN
8. Seksyen Siasatan
   ZULKURNAIN BIN ZAKARIA
9. Seksyen Kejuruteraan Hutan
   Ts. MOHAMAD FIRDAUS BIN ALI MAHSEN

PEGAWAI HUTAN DAERAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH









1. Pejabat Hutan Kedah Utara
   NOOR AKMAL BINTI JAMIL

2. Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat
   AKRAM GIMIN

3. Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah
   NOR SHAHRINI BIN NORDIN AHMAD

4. Pejabat Hutan Daerah Selatan
   FADHILAH BINTI MOHAMED



TER Air Terjun Temurun

CARTA ORGANISASI DAN SEKSYEN

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah berfungsi sebagai satu jabatan profesional dan teknikal yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri di dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan hutan. Secara khususnya fungsi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah ialah:-

- Melaksanakan amanah Pihak Berkuasa Negeri dalam mentadbir dan mengurus sumber hutan negeri dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan supaya dapat memberi faedah-faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang bersih kepada rakyat.

- Bertindak sebagai agensi pelaksana dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan perhutanan.

- Bertindak sebagai agensi yang melaksanakan usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan menghutan semula melalui amalan silvikultur yang sempurna supaya dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Dalam organisasi ini, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah dibahagikan kepada Seksyen-Seksyen yang mempunyai fungsi khusus masing-masing seperti berikut:-

CARTA ORGANISASI
IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH




PEJABAT PENGARAH HUTAN
PENGARAH PERHUTANAN
GRED G14
MUHAMAD BIN ABDULLAH, AMK., AMP.
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N5
AIMI AZIRA BINTI ABD. AZIZ
BAHAGIAN OPERASI HUTAN
TIMB. PENGARAH (OPERASI HUTAN)
GRED G12
MOHD HAFIZ BIN SAMSUDIN, AMP.
SEKSYEN KEPELBAGAIAN SUMBER HUTAN
PEN. PENGARAH GRED G9/G10
NURLIYANA AQILAH BINTI ASRI
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G5
ZULKIFLI BIN SAARANI
PENGAWAS HUTAN
GRED G1
KOSONG 1
KOSONG 2
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1
NOR AZURA BINTI MAJID
MOHD AL HAFIZ BIN MOHD JAMIL
SEKSYEN HUTAN TAMAN NEGERI
PEMELIHARA HUTAN
GRED G9 / G10
FATIN AFIQAH BINTI ROSLAN
SEKSYEN PENGUAT KUASAAN
PEN. PENGARAH GRED G10
KOSONG 1
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G7
AZHAR BIN MURAD
PENGAWAS HUTAN
GRED G2
ZAIROSIMMAN MOHD. ZAIN
KOSONG 1
PENGAWAS HUTAN
GRED G1
AZHA IZWAN BIN AZIZAN
M. HASSHIMI BIN ZAINON
KOSONG 1
KOSONG 2
KOSONG 3
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1
ZAHALIZA BINTI ZAINOL ABIDIN
WAN MUHAIMIN BIN WAN RADWAN
M. HANIFAH BIN ISMAIL
ANUAR BIN MAT ZAIN
SITI NUR HUMAIRA BINTI SHAHBANI
MOHD HAFIZ BIN MOHD SHUKRI
ANNOR AZMINA BINTI ANUAR
HANIS HANANI BINTI AZMI
SITI ZAITON BINTI AHADON
NORHAYATI BINTI AWANG KECHIK
M. FADZLI BIN AHMAD FADZIL
SEKSYEN KEJURUTERAAN
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN
GRED G5
HUSNA AINI HABIBAH BINTI MUAZAM
PEN. JURUTERA
GRED J5
MUHAMMAD FIRDAUS BIN ALI MAHSEN
FARID BIN MAHMUD
MOHD HANIF BIN ABDUL MALIK
PENGAWAS HUTAN
GRED G1
MOHD GHAZALI BIN MD. YUNUS
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1
KOSONG 1
SEKSYEN PERINDUSTRIAN, PENGUSAHASILAN KAYU DAN BUKAN KAYU
PEN. PENGARAH GRED G9 /G10
MUHAMMAD NORSYAHIR BIN MOHD NORDIN
RENJER HUTAN
GRED G1
MUSTAFFA BAKRI BIN ABDUL MAJID
PENGAWAS HUTAN
GRED G1
SITI AISHAH BINTI DAUD
KOSONG 1
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1
WAN NOR YUSRI BIN YUSOFF KOSONG 1
SEKSYEN SIASATAN
PEMELIHARA HUTA
GRED G9 / G10
ZULKURNAIN BIN ZAKARIA
PEN. PEMELIHARA HUTAN
GRED G6
KOSONG 1
PEJABAT HUTAN DAERAH
KEDAH SELATAN
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G41 / G44
FADHILAH BINTI MOHAMED
KEDAH TENGAH
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G41 / G44
NOR SHAHRINI BIN NORDIN AHMAD
KEDAH UTARA
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G41 / G44
NOOR AKMAL BINTI JAMIL
KEDAH BARAT
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G41 / G44
AKRAM BIN GIMIN

PEJABAT PENGARAH HUTAN

PENGARAH PERHUTANAN *(GRED G14)*
MUHAMAD BIN ABDULLAH, *AMK., AMP.*

PEJABAT HUTAN DAERAH

KEDAH SELATAN

PEGAWAI HUTAN DAERAH *(GRED G9 / G10)*
FADHILAH BINTI MOHAMAD

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G6)*
KOSONG 1

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G5)*
ANUAR BIN ISMAIL
MOHD KHAIROL ANUAR BIN MAHMUD

(GRED JA5)
NORISAH BIN BAHRUDIN

PEN. AKAUNTAN *(GRED W5) (KUP)*
NURLIA BINTI JOHARI

PENGAWAS HUTAN *(GRED G2)*

MOHD FARID B. AHMAD MARZUKI	KZ58:AK62HAIRUN ANAS B. M. TAJUDDIN
MOHD SHAHRINIZAM BIN ISHAK	ABDUL MALIK BIN ISMAIL

PENGAWAS HUTAN GRED G1

MD KHAIRUL ANUAR B. MD YUSOF	AHMAD ZAHIR BIN MANSOR
SUHISYAM BIN TALIB	MOHD FARIZAL BIN DAHLAN
ANUAR BIN MAHAMUD	AMIRUL AQMAR B. MOHD SOPRI
NOR ANIZA BINTI OTHMAN	HALMI BIN SARIP @ KHALID
MAHAMAD NASRUDDIN B. MAHAMAD ARISKHAIRUL	AISYAH BINTI ZAKARIA
FAZLE BIN ABU BAKAR	MOHD AZRUL BIN CHE MAN
SUHAIMI BIN MANSOR	MOHD FITHRAH BIN AYOB
TAUFIQ ANUAR BIN TAJUDIN	KOSONG 1
ZAMIZAN BINTI JUSOH	KOSONG 2
MOHAMAD IZUANDY BIN MOHD SOBRI	KOSONG 3
MOHD ANAS NOOR HAZWAN B MOHD NOOR AZAM	KOSONG 4
ABDUL RAHMAN BIN MANSOR	KOSONG 5

Kosong 6

PEMBANTU TADBIR (P/O) (GRED N1)

SAZRATULWIDA BINTI MD SAAD	MOHD KHAIRI ANWAR BIN NASIR

MOHAMAD ISYRAFF BIN MOHD SHABBRI	MD FAUZAN BIN KASSIM
MOHD SHAHIR BIN MOHD DAUD	MUHAMAD SHAZWAN BIN SHAHIDI
MOHD NORDIN BIN YAHYA	ROHIZAM BIN MD AMIN
AHMAD SHARIDAN BIN MD SALLEH	M. AMIRUL ASRAF B. JOHARI
MOHD SUHAIMI BIN ISMAIL	M. SHAHRUL AZIZI B. MD TAJUDDIN
MOHAMAD NAIM BIN MOHD SHARIF	MUHAMAD NOOR ADZHA B. RAMLI
MOHAMAD FAIZAN BIN ISHAK	MUHAMMAD HANIS B. OTHMAN
AHMAD NAZRI BIN YAHAYA	NUR IJAZATI SYAFIQA BINTI SABRI
MOHD SALAHUDIN BIN AYOB	MOHD FIRDAUS BIN AHMAD
MOHAMAD AMIRUL B. CHE DAUD	NOOR HAFIZI B. MOHD NASIR
MOHD HAFIFULLAH BIN WAHID	MOHD AMIR BIN BAKAR
MOHD AZWAN BIN ZAKARIA	MOHD AMIRUL BIN AMRAN
MOHD ZULFAHMI BIN MUHAMAD	MOHD SAFYUDDIN BIN MOHD ZAMRI
MOHD FIKRI BIN ISMAIL	NUR ZATUL BARAKAH BT ABU HASSAN AS SHAARI
JAMIL BIN IBRAHIM	KU NUR ASNAWI BIN KU BAHADOR
AHMAD KHAIRUL ANUAR B IBRAHIM	NUR FADZILAH BINTI AZMI
BUDIMAN BIN ABU BAKAR	NUR BAIDURI BIN HAMBALI
MUHAMMAD ZAMRI BIN JOHARI	NURUL AFIQAH BT MOHAMAD SHAHRINIZAM
MOHD ZUKI BIN AHMAD @ HALIM	NUUR ATHIRAH BT YAZID
MOHD TAJUDIN B. CHE HUSSEIN	IRFAN HAKIMY BIN KAMARUL IZRA
AHMAD NASIR BIN HALIM @ BAKAR	KU MOHD SHAZRUL BIN SAIDIN @ KU SAIDIN
MOHD NAZIR BIN MOHD ZAKI	NORLIZAN BIN ISMAIL
M. NAIM B. ABDUL RAHMAN	MOHD FAUZI BIN AZHAN
MUHAMAD ASRI B. TAJUDIN	MAHADZIR BIN ZAKARIA
HAMZAH BIN MD NOR	MOHD HUZAIMI BIN HAMZAH
MUHAMAD NAJMI B. MAT DAUD	MOHD MANSOR BIN SULAIMAN
ROSZIHAN BIN AHMAD	KOSONG 1
MOHD NASIR BIN ISMAIL	KOSONG 2
IDRUS BIN ISMAIL	KOSONG 3
MOHD FAIZUL BIN IBRAHIM	KOSONG 4
MD AZHAR BIN AHMAD	KOSONG 5
HAMIZA BINTI SALLEH	KOSONG 6
MOHD ASRI BIN MD NOR	KOSONG 7

KEDAH TENGAH

PEGAWAI HUTAN DAERAH *(GRED G9 / G10)*
NOR SHAHRINI BIN NORDIN AHMAD

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G6)*
AHMAD SHUFFIR BIN ZAKARIA

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G5)*
MOHD KEFRI BIN IBRAHIM
M. KHAIRUL ANWAR BIN SAMSUDDIN

PEN. AKAUNTAN *(GRED W5) (KUP)*
IZA HARYATEE BINTI MANSOR

PENGAWAS HUTAN *(GRED G2)*

BADROL HISHAM BIN YAAKOB	KHAIRUL ANUAR BIN IBRAHIM
MOHD FARIHAN SIDQI B. ZAKARIA	MAZLAN BIN MARZUKI

PENGAWAS HUTAN *(GRED G1)*

YAZID BIN SHAARI	BORHAN BIN ABDUL HALIM
ROSHIZAL BIN YAAKOB	MOHD HASROL IZUAN BIN HAMID
ZAMRI BIN HASSAN	MUHAMAD IZAINI BIN RAZAK
SOBHI BIN MAT AKHIR	KOSONG 1
RUSIMAN BIN MOHD. RASID	KOSONG 2
IZMAN NIZAM BIN MOHAMAD	KOSONG 3
MOHD ZHARIF BIN ABD RAHIM	KOSONG 4
SAM MOHD FAUZI BIN SAAD	KOSONG 5
MOHD AFIF EZZUAN BIN MD NASIR	KOSONG 6
AHMAD TARMIZI BIN YAAKOB	KOSONG 7
AZHAR BIN OSMAN	KOSONG 8
ISMAIL BIN MD HASIN	KOSONG 9
MAT SOPI BIN MOHD ISA	KOSONG 10

PELUKIS PELAN (K. AWAM) / PEN. JURUTERA GRED JA1
MUHAMMAD ARIF BIN ISHAK

PEMBANTU TADBIR (P/O) *(GRED N1)*

NURSYAZANA BIT AHMAD SHAUKI	SITI AISYAH BINTI AHMAD

MOHD FUAD BIN KADIR	SHOHAIMI BIN OMAR
MOHD KHAIRI BIN ABD KADIR	SUHAIMI BIN ABD HAMID
AZAMIL BIN AZMI	MOHD REZA BIN ABDUL RAZAB
HASRI BIN HASMI	SITI MARDIAH MUHAMMAD HANIFAH
MUHAMAD HAFIZ BIN JUSOH	M. AMIRUDDIN B. MOHD ZAMRE
ISHAK BIN SALLEH	M. ARIF B. ABDUL RAHIM
MIZAL BIN HAMID	MUHAMAD NAJMI B. BAKAR
MOHD RIYADZ BIN ZAINUN	M. SYAHERUL B. SABRI
M. NAZEER B. ABU HASSAN	M. KHAIRUDDIN B. ABU BAKAR
ZAHIR BIN MD DIAH	SHAMSHUDIN BIN OMAR
MOHD HANIF BIN MOHAYANI	MOHAMAD AKMAL SYAFIQ BIN NAJHAN
MOHD JAWAHEER B. MUSTAFFA	MUHAMMAD HAKIMI BIN HUSIN
IZWAN BIN IBRAHIM	MOHD FIKRIE BIN ISHAK
MUHAMMAD HAFIZ B. SULAIMAN	MOHD HAFIEZ AKMAL BIN ZAIROSIMMANMOHD
MOHD FAUZI BIN CHE DOLLAH	SOLAHUDDIN B MAT AKHIR @ SAAD
MOHD HAFID BIN HALIM	SURESH A/L LOGANATHAN
MOHD DASWARI BIN DASAR	MOHAMMAD TARMIZI B. HASHIM
NORDIN BIN SALLEH	ISHAK BIN KASSIM
AZIZAN BIN MD NOH	ZAMRI BIN HANAFI
ABD KARIM BIN WAHAB	ZAIDI BIN SHAABAN
AZHARE BIN AZIZAN	SHUHARLINA BINTI SHUIB
MOHD FAUZI BIN ISMAIL	NORAMINLIA BINTI KAMARUSEIDI
SUHARDI BIN MAT SALLEH	MOHD KHAIRUL AKMAL BIN ABDUL LATIF
AZHAR BIN HUSSIN	NUR HAZWANI BINTI ZAINOL
MUHAMMAD DANIAL BIN HJ. ISMAIL	KOSONG 1
M. LINA SAFUAN B. ABU HASSAN	KOSONG 2
AZMI BIN OTHMAN	KOSONG 3
SHAHARUDDIN BIN BAHAROMZAINI BIN MUSTAPHA	KOSONG 4
FAUZIAH BINTI MOHD YUSUF	KOSONG 5
KAMARUL ZAMANI B. AWANG ABU	KOSONG 6
ROSLAN BIN HASHIM	KOSONG 7
RASHIDI BIN OMAR	KOSONG 8
	KOSONG 9

CARTA ORGANISASI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

KEDAH UTARA

PEGAWAI HUTAN DAERAH *(GRED G9 / G10)*
NOOR AKMAL BINTI JAMIL

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G6)*
ALIAS BIN OTHMAN

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN *(GRED G5)*
NURUL AMIRA BINTI FADZIL
MOHAMAD SYAKIR BIN OTHMAN

PEN. AKAUNTAN *(GRED W5) (KUP)*
NORZITA BINTI MARZUKI

PENGAWAS HUTAN GRED G2

MOHD HAMKA BIN ISMAIL	MOHD REDWAN BIN ARIFFIN

KOSONG 1

PENGAWAS HUTAN GRED G1

ANUAR BIN JAUHARI	AZIZAN BIN MAT ISA
AHMAD ZAHIR BIN HUSIN	M. AMIN BIN ABDULLAH
ZAINULHISHAM BIN AHMAD	KHAIRI BIN KHALID
AZMIN BIN ISHAK	NORSHAHIDA FARIZA BT. KUDUS
M. SHIFAUDDIN B. M. KHATIB	KU ABD MALIK BIN KU SHAARI
MOHD NORDIN BIN ABDUL JAMIL	MOHAMAD ZAMRI BIN ISMAIL
HASNAL BOLKIAH BIN HASSAN	KOSONG 1
MOHD FIRDAUS BIN AZMI	KOSONG 2
ABDUL BASIR BIN AWANG PUTEH	KOSONG 3
SAIFUL AZHAR BIN ABDUL RASHID	KOSONG 4
ZAMZURI BIN DAUD	KOSONG 5

KOSONG 6

PELUKIS PELAN (K. AWAM) GRED JA1
MUHAMAD NIZAM BIN MAT YUSOF

PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N1

SHATIRAH BINTI YAHYA	SITI AISHAH BT IBRAHIM

MOHD ROFIEE BIN IBRAHIM	MOHD KAMAL HAMDEE BIN ISMAIL
MOHAMAD ZAKRI BIN DOON	MUHAMMAD AQIL HARITH BIN ALIAS
ABDUL SAMAD BIN ARIFFIN	KAMARULIZRA BIN KAMARUDDIN
RASIDI BIN BIDING	MOHD KHAIRUL AFNAN BIN ISMAIL
MD ZAMRI BIN SALLEH	NUR NAZIELA BINTI MOHAMAD ZUKI
HANIZAN BIN AROP @ HASSAN	FATHI KAMIL BIN TUAN ISMAIL
MUHAMMAD ZAHER BIN ZAINOL	MOHD KAMARUDIN B ABDULLAH
WAN ABDUL AZIZ BIN MOHD ZAIN	MAWARDI BIN HJ. AHMAD
KU NORDIN BIN KU HAMID	MOHD AZLI BIN ABD. HAMID
SHAHROMNIZAM BIN ADNAN	NOR SHAHINA BINTI ISMAIL
RUSLAN BIN ISMAIL ZAINOL	MOHAMAD FADZLI BIN WAHAB
JAMEL BIN ABU HASSAN	MOHD REDZUAN BIN MD NOOR
KU MOHD AZAHARI BIN KU YAACOB	NAZREEN BIN GHAZALI
MOHD FAUZI BIN GHANI	ASRI BIN MAHSIM
ANNUAR BIN IBRAHIM	ZURINA BINTI OMAR
AZIZAN BIN ISHAK	HAZALI BIN HASHIM
FAUZIAH BINTI MAD SAAD	MOHD ZAHIR BIN ABDULLAH
A'SERI BIN OSMAN	FUZIAH BINTI MD ZAIN
MUHAMAD FAIZ BIN ZUHAIRI	SHAHRUL AZRIE BIN SHOPRI
MOHD FIRDAUS BIN AZMI	AMIRA AMANI BINTI MOHD TAJUDDIN
KOSONG 1	KOSONG 5
KOSONG 2	KOSONG 6
KOSONG 3	KOSONG 7
KOSONG 4	

KEDAH BARAT

PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G9 / G10
AKRAM BIN GIMIN

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G5
NEK ABD AZIZ BIN NEK ISMAIL

PENGAWAS HUTAN GRED G2
NORKASMI BIN AZIZAN

PENGAWAS HUTAN GRED G1

FAIZAL BIN MUHAMAD	AZAMIN BIN SHARIFF

CHE MUHAMMAD ADIB BIN CHE ZAINUN

PELUKIS PELAN (K.AWAM) GRED JA1
MUHAMAD NIZAM BIN MAT YUSOF

PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N1
SITI KHAIRIAH BINTI CHE PI

PEMBANTU TADBIR (KEW) GRED W1
KOSONG 1

PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

ROFANDI BIN MAD YUSOK	MOHD FAZELI BIN MOHD IBRAHIM
MUHAMMAD KHAIRI BIN ZAKARIA	M. AMIRUL NAJI BIN MAT JAMIL
MOHD SUBHI BIN SENAPI	TASMITTA A/P RAJANDARAN
AMMAR BIN ISHAK	FAUZI BIN SAMAN
M. AMIRRUL ZAKI B MOHD TAIB	TANTY ANITA BINTI ZANUL ABIDIN
KU AZIZ BIN KU HAMID	KOSONG 1

KOSONG 2

PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (KUP)
RAHMAT HIDAYAT BIN MOHAMMAD ISMAN



TER Sungai Teroi

Fungsi Bahagian



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



SEKSYEN PENTADBIRAN AM

Seksyen ini bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran, perkhidmatan dan juga pengurusan kakitangan JPNK.



Dari Kiri : Mohamad Asrul bin Abdul Latif *(Pembantu Khidmat Am)*, Mohd Azlan bin Ahmad [*Pembantu Tadbir (P/O)*], Noor Azzahani binti Abdul Raoff [*Pembantu Tadbir (P/O*)], Nor Aisyah binti Saidin [*Pembantu Tadbir (P/O)*], Noor Sharbani binti Ismail [*Pembantu Tadbir (P/O)*], Aimi Azira binti Abd. Aziz *(Setiausaha Pejabat)*, Mohd Ahmaddudin bin Mohd Bistari *(Pembantu Khidmat Am)*, Saifuddin Anwar bin Shahril Anuar *(Pegawai Khidmat Pelanggan)*.

Tiada Dalam Gambar : Muhammad Zuzaimi bin Zanol *(Pembantu Khidmat Am)*, Mohamad Syahrul Khairy bin Hashim *(Pembantu Khidmat Am)*.

SEKSYEN SUMBER MANUSIA DAN ORGANISASI

Seksyen Sumber Manusia dan Organisasi bertanggungjawab menguruskan urusan sumber manusia JPNK terutama dalam mengenalpasti, menganalisa keperluan latihan dan menyediakan modul latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan JPNK dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Ia juga bertanggungjawab mengintegrasikan latihan di antara jabatan perhutanan negeri di seluruh Malaysia kepada kakitangan JPNK.



Dari Kiri : Nik Mohd Hanif bin Nik Din (Pengawas Hutan), Nuribaizura binti Omar [Pembantu Tadbir (P/O)], Mohd Noordeen bin Syed Mohamed (Penolong Pegawai Latihan), Rohaida binti Mahmud [Pembantu Tadbir (P/O)], Nor Azura binti Majid (Pembantu Khidmat Am).





SEKSYEN KEWANGAN

Seksyen ini bertanggungjawab berkaitan dengan pengurusan kewangan meliputi pengurusan peruntukan mengurus dan pembangunan supaya mematuhi peraturan kewangan yang sedia ada. Selain itu, seksyen ini terlibat secara langsung bagi pengurusan kewangan dan akaun seperti perkhidmatan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek Pembangunan, pembelian asset, pembelian barang-barang dan perkhidmatan serta pembayaran tuntutan kewangan. Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti dan ses Pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle.



Dari Kiri: Intan Najihah binti Asri [Pembantu Tadbir (Kewangan)], Nor Ariena binti Mohd Shakeri (Penolong Akauntan), Nur Zawani binti Mohd Zamri [Pembantu Tadbir (Kewangan)], Muhammad Syafiq bin Abdul Aziz (Penolong Akauntan), Suzana binti Safie [Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)], Nuraimi binti Bahadun (Penolong Akauntan), Siti Hajar binti Che Md Isa (Penolong Akauntan),

Tiada Dalam Gambar: Satmi bin Ani (Pembantu Khidmat Am).

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

SEKSYEN PENGURUSAN HUTAN

Seksyen ini melaksanakan aktiviti perancangan dan pengurusan hutan (termasuk pengurusan HSK, merangka strategi pengukuhan pembangunan hutan di samping menggariskan pelan tindakan bagi mencapai sasaran program/pembangunan hutan).



Dari Kiri: Muhammad Irfan bin Azhar (Pembantu Khidmat Am), Mohamad Asyraf bin Kamarulzaman Masaod (Pembantu Khidmat Am), Mohd Syafri Rizal bin Rosly (Pembantu Khidmat Am), Muhammad Muzamir bin Halim (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Ihsan Sabri bin Kamarazaman (Penolong Pengarah), Muhamad Shuhaimi bin Saidin (Pengawas Hutan), Vijayareka A/P Balachandiran (Pembantu Khidmat Am), Munnawar binti Ahmad (Pembantu Khidmat Am).

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti Rawatan Silvikultur termasuk Bancian Hutan Selepas Tebangan,Tanaman Mengaya, Rawatan Kawasan Lapang, Rawatan Kawasan Terosot, Perhutanan Sosial dan rawatan di dalam Hutan Simpanan Kekal. Di samping itu, seksyen ini turut bertanggungjawab dalam mengawalselia Projek Komunikasi dan Kesedaran Awam melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bersama-sama NGO, sekolah, institusi pendidikan tinggi, dan agensi-agensi lain yang berkaitan.



Dari Kiri: Alwi bin Abdul Rahman (Pengawas Hutan), Md. Wazir bin Md. Zain (Pembantu Khidmat Am), Nor Aida Suhaiza binti Abdul Raoff (Pembantu Khidmat Am), Rajihan bin Rahim (Penolong Pengarah), Mohammad Amirul Aiman bin Mohammad Noor (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Kamaruzaman bin Sulaiman (Pengawas Hutan), Muhammad Syazwan bin Tajudin (Pembantu Khidmat Am).

Tiada Dalam Gambar: Ruhil Hayati binti Mohd Darus (Pembantu Khidmat Am)

SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang dan merumuskan strategi untuk meningkatkan sumber bekalan kayu dan bukan kayu melalui program ladang hutan, penanaman spesies pokok di kawasan-kawasan terosot dan kawasan lapang di dalam HSK. Ianya diketuai oleh Pemelihara Hutan G41/44. Di samping itu, tugas-tugas utama bagi seksyen ini turut meliputi:

Menyelia dan memantau tapak-tapak semaian yang terdapat di daerah.

Memantau kebakaran hutan yang berlaku dalam kawasan HSK.

Memantau gejala perosak dan penyakit pokok dalam kawasan HSK.



Dari Kiri : Zainul Abidin bin Abdullah (Pembantu Khidmat Am), Mohd Husaini bin Hashim (Pengawas Hutan), Azlan bin Abdul Aziz (Penolong Pengarah), Alisah binti Simin (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Safina binti Salleh (Pengawas Hutan), Nasra Amizaa binti Zarudin (Pembantu Khidmat Am).

Tiada Dalam Gambar : Noraini binti Ahmad (Pengawas Hutan).

SEKSYEN KEPELBAGAIAN SUMBER HUTAN

Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemeliharaan kepelbagaian biologi dengan penubuhan dan penyelenggaraan kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR), Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVF), dan projek-projek atau program-program inisiatif bagi tujuan pemeliharaan rangkaian ekologi Central Forest Spine (CFS). Seksyen ini turut terlibat dalam

Penyertaan jemputan pameran daripada agensi-agensi luar, menguruskan permohonan kajian dalam HSK, Pengumpulan maklumat bagi Laporan Perangkaan JPSM dan Laporan Tahunan JPSM, dan Pelaporan prestasi perbelanjaan peruntukan bagi projek pembangunan (P23) kepada JPSM.



Dari Kiri: Zulkifli bin Saarani (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Nurliyana Aqilah binti Asri (Penolong Pengarah), Mohd Al-Hafiz bin Mohd Jamil (Pembantu Khidmat Am).

SEKSYEN FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Seksyen Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri adalah seksyen yang menguruskan 17 Taman Eko-Rimba (TER), 3 Hutan Taman Negeri dan semua kawasan - kawasan ekopelancongan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Kedah. Seksyen ini juga dipertanggungjawabkan dalam menyelaraskan pembangunan infrastruktur dan permohonan permit penggunaan (rekreasi) bagi setiap kawasan TER, HTN dan kawasan ekopelancongan. Seksyen ini juga akan memastikan semua kawasan tersebut bersih dan mesra pengguna dengan pengurusan pelantikan kontraktor pembersihan dan pemasangan panel interpretasi tujuan pembelajaran kepada pengunjung. Selain itu, seksyen ini juga turut menguruskan 15 kawasan pendakian yang berstatus HSK di Negeri Kedah. Pada masa yang sama, seksyen ini berfungsi dalam menguruskan Malim Gunung Perhutanan (MGP)



Dari Kiri: Mohd Fikri bin Azizan (Pengawas Hutan), Husna Aini Habibah binti Muazam (Renjer/ Penolong Pemelihara Hutan), Fatin Afiqah binti Roslan (Penolong Pengarah), Zulaika binti Zulkifli (Pembantu Khidmat Am).

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN PENGUATKUASAAN

Seksyen Penguatkuasaan Hutan adalah seksyen Bertanggungjawab dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan dan memantau lapangan yang melaksanakan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negera



Dari Kiri: Annoor Azmina binti Anuar (Pembantu Khidmat Am), Wan Muhaimin bin Wan Radwan (Pembantu Khidmat Am), Mohd Hafiz bin Mohd Shukri (Pembantu Khidmat Am), Mmuhamad Hapiz bin Abdul Mutalib (Penolong Pengarah), Zairosimman bin Mohd Zain (Pengawas Hutan), Anuar bin Mat Zain (Pembantu Khidmat Am), Zahaliza binti Zainol Abidin (Pembantu Khidmat Am).

Tiada Dalam Gambar: Mohd Fadli bin Ahmad Fadzil (Pembantu Khidmat Am), Hanis Hanani binti Azmi (Pembantu Khidmat Am).

SEKSYEN PERINDUSTRIAN, PENGUSAHASILAN KAYU DAN BUKAN KAYU

Seksyen ini bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dan memproses segala permohonan berkaitan industri berasas kayu, pengusahasilan dan permit penggunaan bagi tujuan kelulusan.



Dari Kiri: Muhammad Faiz Farhan bin Mohd Husain (Pembantu Khidmat Am), Muhammad Norsyahir bin Mohd Nordin (Penolong Pengarah), Siti Aishah binti Daud (Pengawas Hutan).

Tiada Dalam Gambar: Azha Izwan bin Azizan (Pengawas Hutan).

SEKSYEN SIASATAN

Seksyen ini akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dengan menjalankan siasatan terhadap kes-kes kesalahan hutan yang telah dikesan sebagaimana dalam peruntukan Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu. Seksyen ini seharusnya akan menyedia, mengemaskini dan melengkapkan kertas siasatan berkaitan dengan kesalahan hutan seterusnya menjalankan pendakwaan di mahkamah sekiranya perlu berbuat demikian. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan keputusan pendakwaan sehingga kertas siasatan itu selesai. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merekod dan memantau status kemajuan penyiasatan bagi setiap kes kesalahan hutan. Satu siasatan khas dan pemeriksaan mengejut ke atas kawasan, individu-individu, syarikat-syarikat dan industri berasas kayu yang disyaki terlibat dengan kes-kes kesalahan hutan turut dilaksanakan oleh seksyen ini.



Dari Kiri: Wan Nor Yusri Bin Yusoff (Pembantu Khidmat Am), Zulkurnain Bin Zakaria (Penolong Pengarah), Mohd Hanifah Bin Ismail (Pembantu Khidmat Am),

Tiada Dalam Gambar: Mis Maizura binti Amat Kaulan (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Siti Zaiton Binti Ahadon (Pembantu Khidmat Am).

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Seksyen Kejuruteraan Hutan adalah yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur hutan serta memantau pembinaan jalan hutan dalam lesen pembalakan di Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan.



Dari Kiri: Siti Nur Humaira binti Shahbani (Pembantu Khidmat Am), Norhayati binti Awang Kechik (Pembantu Khidmat Am), Farid bin Mahmud (Penolong Jurutera), Ts. Mohamad Firdaus bin Ali Mahsen (Penolong Jurutera), Mohd Hanif bin Abdul Malik (Penolong Jurutera), Mohd Ghazali bin Md. Yunus (Pengawas Hutan).



Lata Lembu

Pejabat Hutan Daerah



PEJABAT HUTAN DAERAH

Bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan diperingkat daerah, sebanyak empat(4) Pejabat Hutan Daerah diwujudkan. Ia berperanan untuk menjalankan pentadbiran di peringkat daerah, termasuk kawalan pengusahasilan, kutipan hasil dan penguatkuasaan undang-undang serta menjalankan aktiviti pengurusan, penyelenggaraan, pembangunan dan silvikultur. Setiap Pejabat Hutan Daerah dibahagikan kepada beberapa renj hutan seperti di bawah :-

DAERAH HUTAN	RENJ HUTAN	DAERAH SIVIL
Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara (Jitra)	Kubang Pasu, Padang Terap	Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang (Sebahagian)
Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi)	Langkawi	Langkawi
Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah (Sungai Petani)	Jeniang/Sik, Gulau, Sungai Petani/Gurun	Kuala Muda, Yan, Sik, Pendang (Sebahagian)
Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan (Kulim)	Tawar, Pahau, Weng	Baling, Kulim, Bandar Baharu, Sik (Sebahagian)

MAKLUMAT SUMBER HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH MENGIKUT JENIS HUTAN BAGI DAERAH KEDAH UTARA

Daerah Sivil

Kubang Pasu
Kota Setar
Pokok Sena
Padang Terap

1. Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	86,849.74
- Hutan Darat (ha)	8,4334.00
- Hutan Paya Gambut (ha)	-
- Hutan Paya Laut (ha)	1,85.74
b) Ladang Hutan (ha)	2,372
c) Rezab Hidupan Liar (ha)	-
2. Pengusahasilan Hutan	
a) Keluasan Usahasil	
- Hutan Simpanan Kekal (ha)	345.52
- Tanah Kerajaan (ha)	-
- Tanah Milik (ha)	116.27
3. Hutan Taman Negeri, Taman Eko Rimba & Kawasan Pendakian	
a) Hutan Taman Negeri	
- Pedu (ha)	13,715.00
- Chebar Besar (ha)	1,442.00
b) Taman Eko Rimba	
- TER Bukit Wang (ha)	50.00
- TER Puncak Janing (ha)	50.00
c) Kawasan Pendakian (Ketinggian)	
- Gunung Pakir Terbang	574m
- Bukit Batu Merah	520m
- Air Terjun Lebai Husin	300m
4. Industri Hutan	
a) Bilangan	
- Kilang Papan	3
- Kilang Papan Lapis	2
- Kilang Papan Flake	1
- Kilang Kerja Kayu / Perabot	23
- Tanur Pengering Kayu	2
- Loji Pengawetan	1
- Loji Cebis Kayu	1
5. Pejabat Renj dan Sub Renj	
Pejabat Renj Hutan Kubang Pasu, Changlun	1
Pejabat Renj Hutan Padang Terap, Pokok Sena	1
Pejabat Sub Renj Kuala Nerang	1
6. Perjawatan	
- Bilangan Jawatan	82
- Jawatan Diisi	67

PEJABAT HUTAN DAERAH KEDAH UTARA



